

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 JULAI 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 30

### Malaysia bakal tumpuan palabur institusi global

# Malaysia bakal tumpuan pelabur institusi global

Hasil pertemuan Kementerian Ekonomi dengan sekumpulan pelabur dihoskan UBS Bank

Oleh IZWAN ROZLIN  
SHAH ALAM

Malaysia dijangka menjadi tumpuan pelabur-pelabur institusi terbesar di dunia, menurut Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Jelasnya, pihaknya telah berjumpa dengan pelabur-pelabur institusi yang dihoskan oleh bank swasta terbesar antarabangsa iaitu UBS Bank.

Menurutnya, kesemuanya pekerjaan itu mempunyai aset di bawah pengurusan antara RM180 bilion dan RM3.2 trilion serta bertukar pandangan tentang situasi ekonomi dan politik se-



Kementerian Ekonomi akan terus mengambil sikap terbuka terhadap kerjasama serantau terutama dalam bidang ekonomi, bakat dan teknologi.

masa, di samping berkongsi pelan-pelan kementerian untuk tahun mendatang.

"Dalam perbincangan tersebut, kementerian telah memberikan fokus kepada Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara yang mampu memberi impak besar dengan jumlah peluang

pelaburan RM637 bilion.

"Kementerian Ekonomi telah menerima respons amat menggalakkan daripada firma-firma pemodal teroka yang paling berpengaruh di dunia, syarikat pemula seperti GGV, Iterative VC, TPG Global, East Ventures, Insignia Ventures Partners dan

Openspace Ventures, atas usaha kementerian dalam membangunkan ekosistem syarikat pemula di Malaysia.

"Dalam sesi yang dihoskan oleh K3 Ventures and Bloomberg, salah satu daripada firma-firma pemodal teroka yang hadir telah mengumumkan hasrat mereka untuk membuka cawangan di Kuala Lumpur tidak lama lagi," katanya menerusi kenyataan pada Selasa.

Rafizi sebelum itu mengetuai delegasi Malaysia ke Singapura bagi menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Peringkat Menteri Malaysia-Singapura untuk Iskandar Malaysia (JMCIM) ke-16 yang berlangsung pada 14 Julai lalu.

Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh Menteri Pembangunan Negara (Singapura), Desmond Lee; Pemangku Menteri Pengangkutan (Singapura), Chee

TUKARAN ASING		
MATA WANG	BELIAN	JUALAN
1 DOLAR AS	4.537	4.542
1 EURO	5.0982	5.1043
1 DOLAR SINGAPURA	3.4311	3.437
1 POUND UK	5.933	5.9414
100 RIYAL SAUDI	120.9222	121.0619
100 RUPIAH INDO	0.0302	0.0303



RAFIIZI

Hong Tat; Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi dan pegawai-pegawai kanan dari kedua-dua negara.

Antara lain, JMCIM telah bersetuju mewujudkan sebuah pasukan petugas khas (special task force) untuk mengkaji penubuhan zon ekonomi khas Johor-Singapura (Johor-Singapore special economic zone).

Tujuan zon ekonomi khas itu adalah untuk meningkatkan pelaburan dan pekerjaan berkualiti tinggi di Johor serta Singapura dengan memudahkan aliran pergerakan manusia (people-to-people movement), barang dan perniagaan.

Pasukan petugas khas akan diterajui oleh Kementerian Ekonomi dari Malaysia serta Kementerian Perdagangan dan Industri dari Singapura dengan sokongan agensi-agensi kerajaan lain.